

## **LBS TERIMA PENGIKTIRAFAN ATAS PRESTASI KEWANGAN CEMERLANG DI MALAM ANUGERAH 'THE EDGE BILLION RINGGIT CLUB 2024'**

*Diiktiraf atas Kecemerlangan dan Inovasi dalam Sektor Hartanah*

---

**Petaling Jaya, 23 Ogos 2024** – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju hartanah terkemuka pilihan rakyat, dengan bangga mengumumkan bawah Kumpulan telah memenangi anugerah ‘Highest Growth in Profit After Tax Over Three (3) Years’ dalam kategori sektor hartanah di Anugerah ‘The Edge Billion Ringgit Club 2024’. Anugerah ini diterima oleh Lucas Lim Kim Kiat, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LBS atas pencapaian cemerlang dalam prestasi kewangan selama tempoh tiga (3) tahun.

‘The Edge Billion Ringgit Club (BRC)’ yang ditubuhkan pada 2010, mengiktiraf syarikat-syarikat Malaysia yang tersenarai di Bursa Malaysia dengan sekurang-kurangnya RM 1 bilion dalam permodalan pasaran. Majlis telah diadakan di St. Regis Kuala Lumpur menyaksikan anugerah-anugerah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada pemenang daripada pelbagai syarikat yang merentasi 14 sektor.

Anugerah ini mengiktiraf peningkatan konsisten LBS dalam untung selepas cukai dan kepentingan minority (“PATMI”) sepanjang tempoh penilaian tiga (3) dari 2021 hingga 2023. Prestasi kewangan Kumpulan untuk tahun 2023 adalah cemerlang dengan pendapatan mencapai RM 1.8 bilion. PATMI pula menunjukkan pertumbuhan yang konsisten, meningkat dari RM 95.6 juta 2021 kepada RM 128.5 juta 2022, serta RM 141.0 juta 2023. Prestasi yang luar biasa ini menonjolkan fokus Kumpulan dalam melaksanakan projek yang selaras dengan keperluan pasaran, dan menjana jualan yang memberangsangkan. Kadar pertumbuhan tahunan kompaun PATMI sebanyak 21.4% selama tiga (3) tahun mengesahkan prestasi kewangan cemerlang LBS yang disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang konsisten, keuntungan yang kukuh, dan pengurusan kos yang berkesan, di sebalik ketidaktentuan ekonomi semasa.

Mengulas kemenangan ini, Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan LBS, Datuk Wira Lim Hock Guan, berkata “Kami amat berbesar hati menerima anugerah ini kerana ia menunjukkan fokus kami yang berterusan terhadap prestasi kewangan dan kecekapan operasi Kumpulan. Peningkatan keuntungan kami setiap tahun membuktikan kekuatan model perniagaan dan dedikasi pasukan kami. Kami akan terus berusaha mencapai kecemerlangan ini memberi kami semangat untuk terus maju dan memimpin industri sebagai pemaju hartanah kediaman, perindustrian, dan komersial. Sebagai pemaju yang inovatif, kami akan terus menyesuaikan diri dengan trend pasaran dan menghasilkan rumah berkualiti tinggi serta mampu milik untuk kebaikan pemilik rumah.”

Beliau menambah, “Pencapaian kami semakin kukuh dengan Anugerah Syarikat Pengurusan Terbaik Malaysia Deloitte untuk tahun ketiga berturut-turut. Anugerah ini jelas menunjukkan kecemerlangan dan kepimpinan luar biasa LBS. Kumpulan terus kekal optimis dan berhati-hati terhadap trajektori pertumbuhannya, disokong oleh tanah seluas 2,654 ekar dengan nilai Pembangunan Kasar (GDV) yang dijangka mencecah RM33 bilion, memastikan aliran projek untuk tahun-tahun akan datang, Selain itu, jualan yang belum dibil sebanyak RM1.6 bilion pada 30 Jun 2024 akan terus memberikan unjuran pendapatan yang kukuh dalam jangka masa terdekat dan potensi pertumbuhan yang berterusan.

-Tamat-